



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PENETAPAN MAKSUD PENEMPATAN PEKERJA SECARA SEMENTARA (*SECONDMENT OF EMPLOYEES*) BAGI PERKHIDMATAN PEKERJAAN

KETETAPAN UMUM BIL. 5/2026

TARIKH KUATKUASA: 12 OGOS 2026

KETETAPAN UMUM

Ketetapan Umum ini dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 41 Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum Bil: 5/2026 bagi menjelaskan penetapan maksud penempatan pekerja sementara (*secondment of employees*) bagi perkhidmatan pekerjaan.

Ketetapan Umum ini boleh dipinda sebahagiannya atau keseluruhannya, atau ditarik balik pada bila-bila masa melalui penerbitan baharu atau suatu notis tarik balik.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: **12 Ogos 2026**

No. Fail: KE.HF(152) 431/14 (5)

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Apa-apa dalam penghasilan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Dokumen ini tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini secara salah tafsir, tidak bertanggungjawab atau tidak berketepatan dengan peruntukan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

KANDUNGAN

1. OBJEKTIF	1
2. PENGENALAN	1
3. PENETAPAN MAKSUD PENEMPATAN PEKERJA SECARA SEMENTARA (<i>SECONDMENT OF EMPLOYEES</i>) BAGI PERKHIDMATAN PEKERJAAN DI BAWAH CUKAI PERKHIDMATAN	1

1. OBJEKTIF

Ketetapan umum ini bertujuan untuk menjelaskan maksud penempatan pekerja sementara (*secondment of employees*) bagi perkhidmatan pekerjaan di bawah cukai perkhidmatan.

2. PENGENALAN

Perkhidmatan pekerjaan adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah butiran (j), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 berkuat kuasa 1 September 2018. Di bawah peraturan sedia ada, perkhidmatan pekerjaan berikut adalah bukan perkhidmatan bercukai:

- (i) pemberian perkhidmatan pekerjaan dalam bentuk penempatan pekerja secara sementara; dan
- (ii) penyediaan perkhidmatan pekerjaan untuk pekerjaan di luar Malaysia.

3. PENETAPAN MAKSUD PENEMPATAN PEKERJA SECARA SEMENTARA (*SECONDMENT OF EMPLOYEES*) BAGI PERKHIDMATAN PEKERJAAN DI BAWAH CUKAI PERKHIDMATAN

3.1. Bagi memenuhi maksud penempatan pekerja secara sementara (*secondment of employees*) di para 2 (i), kesemua syarat berikut hendaklah dipatuhi:

- a) Terdapat kontrak peminjaman pekerja di antara majikan asal dengan syarikat yang dipinjamkan;
- b) Aktiviti perniagaan majikan asal adalah selain daripada penyediaan perkhidmatan pekerjaan (termasuk agensi pekerjaan dan organisasi majikan profesional);
- c) Seorang pekerja dipindahkan buat sementara waktu oleh majikan asal untuk melaksanakan tugas di tempat lain untuk tempoh masa tertentu dan selepas tamat tugasnya pekerja itu kembali kepada majikan yang sama untuk meneruskan pekerjaannya;
- d) Pekerja akan terus bekerja untuk majikan asal dan kesinambungan pekerjaan itu tetap berterusan dan tidak terputus;

- e) Semasa tempoh peminjaman, pekerja tersebut hanya bekerja untuk syarikat yang dipinjamkan;
 - f) Syarikat yang dipinjamkan mempunyai kawalan penuh ke atas pekerja tersebut;
 - g) Gaji dan apa-apa elaun lain (pada nilai kos) akan dibayar oleh syarikat yang dipinjamkan sama ada secara langsung atau tidak langsung dan tiada caj tambahan lain dikenakan; dan
 - h) Tempoh penempatan pekerja adalah kurang daripada enam bulan dalam setahun penempatan itu dan tidak bersambung dengan tahun seterusnya.
- 3.2. Pemberian perkhidmatan pekerja secara sementara (*secondment of employees*) yang tidak memenuhi kesemua syarat di atas adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

KETUA PENGARAH KASTAM
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA